

**BAB**  
**PENDAHULUAN**

## **PENDAHULUAN**

### **0.0 PENGENALAN**

Al-Qur'ān kitab suci lagi terpelihara, diturunkan Allah S.W.T sebagai pedoman kepada manusia; Kitab samawi ini penuh dengan cerita yang menarik serta bahasa yang indah. Al-Qur'an adalah rujukan utama umat Islam di samping al-Sunnah, kepentingan kepada kehidupan tidak dapat dinafikan sama sekali. Sungguhpun demikian, dengan perkembangan yang pelbagai, serta keghairahan terhadap kemajuan kebendaan, sains dan teknologi telah menyebabkan manusia lupa dengan kepentingan al-Qur'ān. Kecenderungan dan minat anak-anak terbiar begitu sahaja. Kesungguhan serta minat untuk mengisi al-Qur'ān dalam diri kanak-kanak tidak seberapa berbanding dengan kesungguhan mereka untuk mengisi anak-anak dengan pelajaran-pelajaran akademik, dari segi pengorbanan masa, wang atau tenaga.

Justeru itu, kita telah menghadapi satu dilema besar iaitu lahirnya generasi Muslim yang buta al-Qur'ān. Lantaran kekosongan al-Qur'ān dalam jiwa, telah melemahkan aspek dalaman; kejiwaan dan daya tahan, serta akibatnya membawa tabiat liar dan buas sehingga tidak boleh dikawal. Oleh itu, keterlanjuran ini dapat dielakkan sekiranya setiap pihak yang terlibat dengan pembinaan masyarakat iaitu guru, ibu bapa, pihak pendidikan dan pihak berkuasa mengambil perhatian yang serius untuk mengatasi masalah penyakit buta al-Qur'ān dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

### **0.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Al-Qur'ān adalah kitab suci yang mana ayat-ayatnya memberi peringatan tentang pentingnya ilmu pengetahuan serta menjadi asas kepada pembinaan tamadun dan

kemajuan melalui pembacaan, penulisan dan pembelajaran. Kesemuanya itu adalah prasyarat bagi menghasilkan ilmu pengetahuan. Manusia dituntut menjadikan al-Qur'ān sebagai sumber rujukan utama dalam semua perkara termasuk dalam pendidikan. Pendidikan al-Qur'ān ialah satu-satunya sistem pentarbiyahan yang dibentuk untuk mendidik jiwa para pelajar dengan nilai kerohanian dan akhlak Islam yang mendalam. Pendidikan ini menekankan kepada mereka bahawa semua ilmu pengetahuan yang dituntut bukanlah untuk kepentingan peribadi dan material semata-mata, tetapi juga untuk meningkat keimanan yang mampu melahirkan individu dan masyarakat yang berakhlak tinggi. Perancang– perancang Kurikulum Pendidikan Islam menyedari, sejak dua dekad, didapati ada tanda-tanda anak-anak Islam kurang mahir dan tidak mengenal al-Qur'ān. Tambahan pula beberapa kajian yang di buat di akhir-akhir ini, mendapati hampir 70% pelajar–pelajar di sekolah rendah dan menengah buta al-Qur'ān, dalam erti kata lain tidak boleh membaca dan tidak mengenal al-Qur'ān.

Berdasarkan kajian yang dibuat; salah satu fakta pelajar-pelajar tidak boleh membaca al-Qur'ān ialah kerana kurang memberi tumpuan kepada pembelajaran al-Qur'ān yang sekadar satu masa (30 minit) dan dua masa (60 minit) seminggu. Ia tidak memadai untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran membaca al-Qur'ān serta tidak berupaya untuk menyuburkan kebolehan membaca al-Qur'ān di kalangan pelajar-pelajar. Dengan penuh perasaan tanggungjawab dan kesedaran dalam hal ini, maka lahirlah institusi pengajian Islam swasta untuk mengembalikan suasana pendidikan Islam selari dengan matlamat melahirkan generasi pelapis yang mahir al-Qur'ān serta menjadikan al-Qur'ān sebagai sumber rujukan asas kepada semua mata pelajaran.

Sekolah-sekolah Islam swasta, merupakan sekolah-sekolah yang menjadi pilihan ibu bapa yang mahu anaknya mendapat pendidikan al-Qur'ān dan pembentukan akhlak mulia. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan terhadap sekolah-sekolah tersebut. Perkara yang paling ketara ialah dari segi kemudahan dan pembangunan yang perlu

diberi perhatian sewajarnya, di samping meningkatkan mutu kualiti pencapaian dan penilaian. Berkata Abdulkarim Taha<sup>1</sup>: “ Sekolah-sekolah Islam swasta perlu kepada kajian dan penyelidikan untuk memperbaiki dan menaik taraf kemajuan dari semua segi khususnya, bidang kurikulum”. Pada pengamatan penulis, belum ada lagi kajian yang berhubung dengan sekolah swasta. Pernah bekas pengetua sekolah rendah Islam berucap : “ Saya rasa murid tahun enam ramai lagi yang belum betul baca al-Qur’ān.”<sup>2</sup> Diharapkan melalui kajian ini, beberapa perkara yang dikira penting dan ada hubung kait dengan al-Qur’ān akan dapat dihuraikan dan diselesaikan.

## **0.2 PENGERTIAN TAJUK**

### **0.2.1 Pengajian**

Pengajian dalam kajian ini bermaksud proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur’ān di dalam sekolah rendah Islam swasta. Menurut kamus Dewan, perkataan “Pengajian” berasal dari kata dasar “kaji” yang bermaksud selidik, teliti, dalami, siasat dan taksir. “Pengajian” juga merupakan kata nama terbitan yang membawa maksud; pembelajaran, penyelidikan, menuntut atau belajar.<sup>3</sup>

### **0.2.2 Al- Qur’ān**

Pelajaran al-Qur’an bermaksud tilawah dan hafazan yang diajarkan. Al-Qur’ān, merujuk kepada salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh setiap murid dalam sistem pendidikan sekolah rendah Islam swasta.

### **0.2.3 Sekolah Rendah Islam Swasta**

Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS) ialah sekolah yang mengendalikan kegiatan perusahaan secara persendirian, dan bukan milik kerajaan,<sup>4</sup> atau dikenali sekolah

---

<sup>1</sup>Abdulkarim Taha, Penyelia sekolah swasta di PPD Kelantan, Temubual pada 10 Mac di pejabatnya.

<sup>2</sup>Bekas pengetua SRIS KB. Pada majlis mesyuarat guru 15.5.2004 di Dewan Serbaguna Kiblah

<sup>3</sup>Hajah Noresah bt. Baharun (2005), *Kamus Dewan*, cet. ke-4, Kuala Lumpur : DBP, h.35

<sup>4</sup>Teuku Iskandar Dr. Md Nor bin Hj. Abd.Ghani (2010), ed. ke-4, *Kamus Dewan* KL: DBP, h .155

agama rakyat. Sekolah Islam swasta yang berdaftar dengan JPN di kawasan Kota Bharu adalah sebanyak 15 buah sekolah<sup>5</sup>.

#### **0.2.4 Kota Bharu, Kelantan**

Kelantan negeri di timur laut Semenanjung, keluasannya ialah 14,893<sup>6</sup> km persegi, Kota Bharu adalah ibu negeri Kelantan. Kawasan Sekolah yang menjadi sampel kepada penyelidikan ini ialah kawasan Kota Bharu, SRI Aman dan SRI Kiblah di Telipot iaitu 3 kilometer dari pusat bandar Kota Baharu, adapun SRI al-Hikmah bertempat di Tanjung Mas, Jalan Pangkalan Chepa lebih 5 kilometer dari pusat bandar Kota Bharu.

#### **0.2.5 Pelaksanaan**

Perkataan pelaksanaan ialah dari “laksana”<sup>7</sup> iaitu keadaan sesuatu benda, sifat, atau tanda. Kata imbuhan “Pelaksanaan” ialah hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan: meninjau; atau dalam erti kata proses melaksanakan menjalankan pengajian al-Quran bermula dengan pengurusan, sukatan, kurikulum, pedagogi, teknik kaedah dan sebagainya.

### **0.3 PERMASALAH KAJIAN<sup>8</sup>**

Berdasarkan pengertian tajuk di atas, penulis dapat merumuskan permasalahan yang akan dikaji adalah seperti berikut :-

- i. Apakah definisi dan sejarah pengajian al-Qur’an

---

<sup>5</sup>Abdul Karim Bin Tahir, Penyelia Pendidikan Swasta (PPD KB), Temu bual pada :27 Februari 2011 di Pejabatnya. Dan lihat senarai nama-nama sekolah di bawah PERSIAP dalam kajian ini di h.66

<sup>6</sup>Goh Cheng Leong(2005), *Atlas Eksplorasi Geografi*, c.5 Kementerian: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). h.92

<sup>7</sup>Hajah Noresah bt. Baharun (2005) *op.cit*, h.871

<sup>8</sup>Sulaiman Masri (2003) *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, KL: Utusan Publication, h:48

- ii. Sejauh manakah pelaksanaan sistem pengajian al-Qur'ān di sekolah rendah Islam swasta ?
- iii. Apakah persepsi murid dan guru terhadap pelaksanaan sistem pengajian al-Qur'ān di sekolah rendah Islam swasta ?

#### **0.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Berikut penulis mengemukakan beberapa objektif yang akan dicapai daripada kajian ini ialah:

- i. Menjelaskan maksud al-Qur'ān dan kepentingan pengajiannya dalam usaha memahami kehendak sebenar agama Islam.
- ii. Mengenal pasti pelaksanaan sistem pengajian al-Qur'ān di Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS).
- iii. Menganalisis persepsi pelaksanaan murid dan guru terhadap pengajian al-Qur'ān.

#### **0.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Islam menitikberatkan kepada pendidikan al-Qur'ān khususnya kepada golongan kanak-kanak dengan memberi galakan untuk menghafal dan membaca. Islam mengajak supaya umatnya membaca al-Qur'ān di waktu pagi dan petang, kerana al-Qur'ān itu menghidup jiwa yang mati serta mencegah daripada melakukan *fahsyā'* dan *munkar*, Rasulullah S.A.W tidak pernah jemu daripada memberi peringatan dalam menceritakan tentang kelebihan dan kepentingan al-Qur'ān, ia adalah adalah al-Hafiz yang menjaga keamanan dan keselamatan sepanjang zaman.

Demikian juga generasi sahabat seperti 'Abd Allah Ibn Mas'ūd dan 'Uthmān ibn 'Affān R.A, Selain itu, kepentingan kajian dapat diringkaskan seperti berikut :-

- i. Dapatan kajian adalah untuk melihat pengalaman sistem pengajian al-Qur'ān di Sekolah Rendah Islam Swasta dari segi pelaksanaan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran al-Qur'ān di samping mengetahui punca kelemahan.
- ii. Dapatan kajian ini memberi implikasi terhadap pelaksanaan amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Ia juga memberi petunjuk kepada guru, sekolah serta pihak yang terlibat dengan pendidikan al-Qur'ān bagi melakukan sebarang perubahan dan tindakan yang sewajarnya perlu dilakukan terhadap pelaksanaan pengajian dan sistem pendidikan al-Qur'ān.

Kajian ini juga, menjadi asas kepada penciptaan modul pengajian al-Qur'ān dan menjadi rol model dalam pendidikan Sekolah Islam Swasta dan Kerajaan serantau Asia khususnya selatan Thailand.

## **0.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini berbentuk tinjauan. Analisa hanyalah dilakukan dalam skop pengajian mata pelajaran al-Qur'ān sahaja. Maklumat hanya diperoleh melalui soal selidik guru dan murid dan juga melalui pengisian ilmiah daripada buku-buku yang berkenaan dengannya. Batasan kajian ini adalah terhad kepada 3 buah sekolah rendah sahaja daripada 15 buah sekolah rendah swasta di Kelantan. Sekolah-sekolah tersebut ialah; 1). Sekolah Rendah Islam Aman, 2). Sekolah Rendah Islam al-Hikmah dan 3). Sekolah Rendah Islam Kiblah.

## **0.7 SOROTAN KAJIAN**

Sejauh ini penulis tidak mendapati suatu penyelidikan secara khusus terhadap kajian ini. Namun begitu, beberapa kajian terdahulu dapat dijadikan sandaran dalam kajian ini, antaranya ialah:

- i. Amin Maulana Maksum (2007), *Pengajian al-Qur'ān di Nusantara: kajian terhadap sumbangan Ma'had Hidayatur Rahman Indramayu Jawa Barat*, tesis Master secara disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2007), Tujuan kajian, untuk mengkaji sumbangan Maahad tersebut bagi mengidentifikasikan perkembangan pengajian al-Qur'ān di Nusantara dengan merujuk kepada beberapa buah Ma'ahad di rantau ini. Hasil kajian didapati bahawa Ma'ahad Hidayat Rahman telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam pengembangan pengajian al-Qur'ān di Indonesia. Demikian pula peranan beberapa ma'ahad di rantau Nusantara seperti Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand dan Filipina amat berjaya dalam mengembangkan pengajian al-Qur'ān.
  
- ii. Narshima Binti Abdul Rahman (2005), *Pengajian al-Qur'ān di Perlis: Suatu kajian di institusi pengajian tinggi Islam Perlis*. Kajian ini melihat bagaimana proses pengajian yang dijalankan, adakah kaedah pengajian al-Qur'ān pada zaman Rasulullah S.A.W dijalankan sebagai model utama. Persoalan ini menimbulkan dorongan dan hasrat kepada penulis untuk membuat kajian di samping dapat mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh institusi ini dan juga para pelajar dalam pengajian al-Qur'ān. antara perkara pokok yang dikaji ialah pengajian al-Qur'ān pada zaman Rasulullah S.A.W zaman sahabat dan tabi'īn. Maka dapatan kajian, penulis membuat kesimpulan antaranya ialah pengajian dan pengajaran al-Qur'ān perlu dititik beratkan kepada semua golongan dan perlulah diasaskan kepada golongan kanak-kanak lagi seperti kata pepatah “melentur buluh biar dari rebungnya”. Penulis amat berharap agar penyelidikan ini dapat memberikan cetusan idea yang baru kepada semua golongan masyarakat.



iii. Yazid B. Muḥamd Noh (2008), *Kaedah Pengajaran al-Qur'ān di Sekolah Agama Menengah Bestari*, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) subang Jaya, Disertasi sarjana, secara berkursus & disertasi, Universiti Malaya(2008), kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru al-Qur'ān ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di sekolah agama Menengah Bestari Subang Jaya Selangor dibawah kelolaan JAIS. Tambahan pula kajian ini bertujuan mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dari pelaksanaan pengajaran al-Qur'ān seperti kemudahan–kemudahan bahan bantu mengajar khususnya penggunaan teknologi maklumat, kaedah strategi pengajaran guru dan situasi iklim di dalam kelas. Kajian dijalankan dalam bentuk tinjauan yang menggunakan metode soal selidik dan temu bual dalam kajian. dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat dan sikap yang sederhana terhadap mata pelajaran al-Qur'ān, guru dan pelajar bersependapat bahawa kaedah klasik adalah lebih berkesan dengan menggabungkan penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk teknologi maklumat secara maksimum. Bahan pengajaran al-Qur'ān juga masih belum mencukupi di sekolah, suasana serta iklim kondusif ketika pengajaran di dalam kelas memainkan peranan penting menarik minat dan pengguna teknik serta kaedah pengajaran yang lebih kritis dan kreatif dapat membantu pengajaran al-Qur'ān dengan lebih berkesan. Melalui kajian ini penulis dapat simpulkan bahawa roh al-Qur'ān dapat disemaikan melalui pengajaran dan pembelajaran bermula di bangku sekolah lagi agar tersemai di dalam jiwa generasi pewaris seterusnya.

- iv. ‘Abdunkarim Samaeng (2004), “*Pengajian al-Qur’ān di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama di Selatan Thai : Satu Kajian di Madrasah al-Raḥmāniah, Bra-O, Pattani*”, Disertasi sarjana Usuluddin. Perbicaraannya tentang kaedah-kaedah dan cara yang telah dikendalikan oleh Madrasah al-Raḥmāniah. Tujuan utama daripada kajian ini adalah untuk mengungkap pandangan pelajar terhadap pengajian al-Qur’ān di sekolah Menengah Agama, Bra-O Pattani, Selatan Thailand. Penelitian ini juga bertujuan untuk mengidentifikasi peranan yang harus dimainkan oleh guru al-Qur’ān dalam melaksanakan pengajian al-Qur’ān di sekolah tersebut. Bagi mencapai tujuan ini soal selidik yang disusun oleh peneliti sendiri telah dipakai untuk pengumpulan data. Instrumen dalam penelitian ini adalah berdasarkan skala leter. Hasil kajian menunjukkan bahawa pandangan pelajar terhadap pengajian al-Qur’ān adalah baik (positif). Penelitian terakhir ini dapat dirumuskan bahawa pentadbir sekolah dan guru al-Qur’ān seharusnya memainkan peranan yang telah disarankan terhadap pelajar-pelajar mereka semaksimum mungkin. Ini kerana guru merupakan orang yang paling tepat untuk melaksanakan pengajaran. Selain itu, guru al-Qur’ān harus menjaga pandangan positif pelajar terhadap diri mereka.
- v. Muḥammad Ḥana Pizi ‘Abdullah (2007), *Pengajian al-Qur’ān di Maahad Tahfiz al-Qur’an Majlis Agama Islam Kelantan: suatu kajian terhadap riwayat Syu’bah ‘Asim*, Disertasi dan cara kursus. Kajian ini adalah untuk mengenengahkan bidang al-Qiraat khususnya riwayat Syu’bah ‘Āṣīm, yang menjadi pelengkap kepada Qira’at imam ‘Āṣīm. kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan sistem pengajian, proses pelajaran dan pembelajaran serta sukatan yang dilaksanakan di Ma’ahad ini. Analisis terhadap data-data yang

dikumpulkan adalah berdasarkan metodologi kajian yang telah digariskan. Kesimpulan pengajian khususnya riwayat *syu'bah 'āṣīm* di ma'ahad ini telah berjaya walaupun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh semua pihak yang berkenaan.

- vi. Eadil Bin Mat (2010), ***Kelas Khas Kemahiran al-Qur'ān (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor***, Kajian sarjana Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini bertujuan melihat kaedah pelaksanaan kelas khas kemahiran al-Qur'ān yang diamalkan di sekolah serta keberkesanannya. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di Zon Gombak, Selangor Darul Ehsan. Seramai 70 orang pelajar tingkatan 2 dan 3 orang guru yang mengajar kelas KKQ terlibat dalam kajian ini. Apakah faktor latar belakang pelajar, guru yang mengajar, kesungguhan pihak berkaitan serta permasalahan yang timbul memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Alat ukuran yang digunakan ialah soal selidik, ujian pencapaian dan temu bual. Data-data dianalisis melalui program analisis data program sistem statistik pual sains sosial (Statistik Package for the Social Sciences /SPSS) yang menggunakan statistik deskriptif dan inferens seperti frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai. Dapatan kajian menemukan bahawa pelaksanaan kelas KKQ di sekolah bermula dengan inisiatif dari pentadbir sekolah, guru dan pelajar yang sememangnya meminati subjek al-Qur'ān. Permasalahan yang timbul boleh diatasi dan ini tidak memberi kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan agar kelas ini dapat berjalan dengan

lebih baik, lebih menarik minat pelajar dan ibu bapa serta dapat melahirkan insan yang kamil selari dengan falsafah pendidikan negara.

## **0.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Metode merupakan suatu perkara yang penting kerana ia merupakan cara bekerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Suatu penelitian akan tinggi nilai mutunya apabila metode-metode yang digunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya. Penyelidik telah menggunakan metode berikut dalam usaha untuk mengkaji, menyusun dan menyiapkan penyelidikan ini, ialah; i) Metode penentuan Subjek, ii) Metode pengumpulan data dan iii) Metode penganalisan data.

### **0.8.1 Metode Penentuan Subjek**

Dalam Penyelidikan ini, penulis telah menentukan satu topik kajian, data dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang ditentukan. Namun ianya dilakukan sebagai langkah awal sebelum pengumpulan data atau maklumat dilakukan, agar proses pengumpulan data dan maklumat tersebut bertepatan dan relevan dengan tajuk. Dalam menentukan subjek kajian, penulis menggunakan metode Sampling, iaitu dengan cara tertentu, penulis tidak mungkin mengkaji semua jumlah dari subjek yang hendak dikaji. Subjek yang menjadi penelitian penulis ialah: Pengajian al-Qur'ān di Sekolah Islam Swasta, Kota Bharu, Kelantan; Pelaksanaan dan Keberkesanan.

### **0.8.2 Metode Pengumpulan Data**

Beberapa cara yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan bahan kajian ilmiah serta maklumat-maklumat yang diperlukan antaranya ialah menggunakan ;

- i. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan ini dilakukan oleh penulis di beberapa perpustakaan untuk mendapatkan beberapa maklumat yang ada hubung kait dengan tajuk yang dipilih dan hasil dari kajian-kajian terdahulu berkenaan dengannya dan di dalam penyelidikan ini juga, penulis telah menggunakan metode historis<sup>9</sup> dan metode dokumentasi. Bahan-bahan yang diperoleh adalah mengenai latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perbincangan tentang al-Qur'ān serta sejarah pengajaran dan pembelajaran.

#### ii. Penyelidikan Lapangan

Penulis juga telah menggunakan beberapa metode lain untuk mendapatkan maklumat kajian antaranya ialah metode Observasi dan metode Temu ramah/ temu bual. Observasi ialah cara pengumpulan data melalui pengamatan secara langsung dalam masalah-masalah yang ada hubung kait dengan objek penelitian. Penulis banyak menggunakan metode observasi ini dalam penelitian dan penilaian dilihat kepada sejauh manakah pelaksanaan pengajian al-Qur'ān serta dinilai dari segi pencapaian dan kegagalan. Hasil observasi ini boleh dilihat dalam bab yang ketiga.

### **0.83 Kaedah Soal Selidik /Temu ramah.**

Kaedah soal-selidik ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kefahaman pelajar di sekolah terbabit terhadap ilmu al-Qur'ān dan pengajiannya, pelaksanaan pengurusan kurikulum al-Qur'ān dan pedagogi perguruan.

#### i. Sampel<sup>10</sup> dan Populasi<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup>Historiografi atau kajian sejarah bertujuan menjelaskan kembali suatu peristiwa sejarah dari sudut tertentu, ia adalah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian yang berlaku, proses, pengumpulan data, maklumat dan fakta yang diambil daripada pemecahan ilmiah melalui perspektif sejarah. Lihat : Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, Selangor:Sri Elita Resources, h.27

<sup>10</sup>Sampel (Contoh Am) untuk penyelidikan, sumber data atau maklum balas atau siapakah yang ingin libatkan dalam penyelidikan, ia adalah sumber untuk mendapatkan data, merujuk kepada bahagian dari populasi yang dipilih untuk dikaji. Lihat Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *op.cit.*,h. 37

<sup>11</sup>Populasi merujuk kepada keseluruhan yang terlibat dalam kajian atau kelompok individu yang di selidik. Lihat : *Ibid.*,

Sampel (contoh am) untuk penyelidikan daripada siapakah untuk mendapat data atau maklum balas atau siapakah yang anda ingin libatkan dalam penyelidikan. Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data,<sup>12</sup> dalam kajian ini penulis akan menggunakan sampel dalam bentuk kelompok di mana sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi, dan saiz sampel ialah bilangan unit dalam sampel. Sekurang-kurangnya 30 peratus dari jumlah keseluruhannya populasi menjadi sampel<sup>13</sup>. Di sini jumlah sampel dari kalangan murid seramai 277 orang dari populasi keseluruhan 586 orang murid iaitu bersamaan 56.61 peratus dari jumlah keseluruhan. Manakala guru yang terlibat dengan mata pelajaran al-Qur'an sahaja adalah seramai 25 orang dari jumlah keseluruhan iaitu seramai 68 orang bersamaan 45 peratus.

Salinan soal selidik yang diedarkan kepada sampel terdiri daripada sebilangan daripada populasi pelajar dan guru. Salinan tersebut akan dikumpul serta dianalisis sehingga dapat dikenal pasti dan menghasilkan kesimpulan terhadap sejauh manakah keberkesanan pelajar-pelajar dari sistem Pengajian al-Qur'an di sekolah terbabit. Justeru itu, kaedah ini digunakan pada bab keempat dalam kajian ini. Cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian seseorang secara lisan daripada seorang responden adalah dengan menemu bual responden tersebut. Metode ini merupakan metode pembantu kepada metode observasi. Temu bual atau Wawancara dilakukan sama ada dengan mudir yang dahulu mahupun sekarang, termasuk guru kanan unit al-Qur'an (tilawah dan hafalan) dan guru yang terlibat langsung dengan pengajaran al-Qur'an. Metode ini digunakan oleh penulis dalam melakukan penyelidikan secara langsung di tempat kajian. Bahan-bahan yang diperoleh melalui metode ini digunakan dalam menyediakan laporan penyelidikan dan penganalisan di dalam bab empat.

---

<sup>12</sup>*Ibid*,

<sup>13</sup>Idris Awang (2009), *op.cit* , h.85

#### 0.8.4 Metode Penganalisisan Data

Penulis telah menggunakan pendekatan melalui metode penganalisisan data melalui data-data yang telah dikumpulkan dari borang-borang soal selidik. Maka metode-metode yang terbabit ialah induktif, metode deduktif dan metode komparatif. Huraianya adalah seperti berikut;-

##### i. Metode Induktif

Metode Induktif<sup>14</sup> digunakan untuk menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat am. Sebagai contoh, pengajian dan pembelajaran al-Qur'ān pada zaman Nabi dan pembentukan halaqah al-Qur'ān pada zaman khulafā al-Rasyidīn adalah berbentuk khusus kemudian dirumuskan secara umum dalam pengajian al-Qur'ān di sekolah terbabit. Justeru, pendekatan ini diambil oleh penulis untuk menerangkan dan menghuraikan semua bahagian dalam kajian ini khususnya sebagai kesimpulan dalam bab akhir.

##### ii. Metode Deduktif<sup>15</sup>

Metode ini ialah merupakan suatu kaedah menganalisis data-data melalui pola berfikir untuk mencapai pembuktian dengan berpijak kepada fakta-fakta umum kepada fakta-fakta yang lebih khusus. Sebagai contoh, pengkaji menganalisis dan merumuskan terhadap fakta-fakta yang dikumpulkan dari data soal selidik yang telah diedarkan. Dan juga pendekatan ini digunakan oleh penulis untuk menganalisis dan mencari pembuktian berdasarkan dalil-dalil terhadap hal-hal yang khusus. Justeru itu, kaedah ini digunakan pada bab 1 dalam Rumusan Masalah dan bab keempat dan kelima tentang analisis pengajian al-Qur'ān yang dijalankan dalam kajian ini.

---

<sup>14</sup>Induktif dikenali dalam *Usūl l-Fiqh* dengan kaedah *Istiqra'*, lihat: Idris Awang (2001) *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorokan*, Kuala Lumpur: API, Universiti Malaya., h.82

<sup>15</sup>Deduktif istilah *Usūl al-Fiqh* ialah kaedah *Istinbat*, lihat :*Ibid*,

### iii. Metode Komparatif

Metode ini merupakan kesimpulan terhadap beberapa data yang diperoleh dalam masa penelitian dijalankan. Semua fakta dan data dipertimbangkan secara saksama. Kemudian setelah pertimbangan dan perbandingan tersebut dilakukan, maka kesimpulan dibuat. Metode ini digunakan khusus pada bab tiga yaitu ketika menganalisis data. Kajian ini menggunakan metode kajian lapangan dan kajian perpustakaan yang menggabungkan metode penganalisan dan penelitian. Penganalisan dilakukan terhadap literatur-literatur sama ada buku-buku kajian ilmiah terbaru atau kitab-kitab turath yang mengungkapkan keunggulan pengajian al-Qur'ān, sama ada dari segi metodologi dan keistimewaan-keistimewaan yang lain.

Teknik-teknik yang diguna pakai dalam kajian ini adalah;

- i. Mengumpulkan data-data primer berupa data-data yang berkaitan dengan kajian tersebut.
- ii. Pengumpulan data-data sekunder, berupa maklumat pelaksanaan pengajian al-Qur'ān.
- iii. Menganalisis data pelaksanaan yang diguna pakai dalam pengajian al-Qur'ān dan menangani krisis pembelajaran pengajian al-Qur'ān.
- iv. Merumuskan data dan menjadikannya sebagai sebuah kajian ilmiah.